



Pelan damai yang dimomokkan ketika ini

bukan sebenarnya datang dari Amerika Syarikat (AS) pun, tetapi adalah 'buah fikiran' (Presiden AS, Donald) Trump sendiri.

**Anwar Ibrahim,
Presiden PKR**



Misi dapat sokongan antarabangsa wajar diteruskan

BH - 10/2/2020 m/s: 3

Kuala Lumpur: Misi mendapatkan sokongan komuniti antarabangsa bagi merungkai krisis Palestin wajar diteruskan, dengan berpandukan tiga matlamat utama.

Ia mencakupi usaha menuntut kerangka penyelesaian jelas ke arah mengakhiri pertelagahan antara Palestin dan Israel, mempercepatkan pemilikan semula tanah Palestin yang ditakluk serta menolak sebarang dasar retorik.

Demikian ketegasan disuarakan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menggesa supaya perjuangan rakyat Palestin dalam mengembalikan maruah negara mereka selepas ditindas oleh rejim Israel tidak harus dipersiapkan.

"Pelan damai dimomokkan ketika ini bukan sebenarnya datang dari Amerika Syarikat (AS) pun, tetapi adalah 'buah fikiran' (Presiden AS, Donald) Trump sendiri.

"Pelan ini tidak lain ialah untuk bentuk sokongan kepada Israel merompak tanah rakyat Palestin dan meragut maruah mereka di tanah sendiri yang kini berlanjutan hampir tujuh dekad. Kita tabik semangat ditonjolkan rakyat Palestin yang terus memperjuangkan usaha untuk mengambil balik

tanah dan maruah mereka, justeru pergelutan ini tidak akan di biarkan keseorangan.

"Segenap lapisan masyarakat di Malaysia menyokong perjuangan Palestin menuntut hak dan kedaulatan mereka semula," katanya pada ucapan Malam Perpisahan sempena Persidangan Liga Parlimen Al-Quds Kali Ketiga, di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Penasihat Jawatankuasa Penganjur Persidangan Al-Quds, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Kesal dengan situasi yang semakin meruncing di sempadan Gaza, Anwar berkata, segelintir masyarakat dunia kini seolah-olah mengambil pendirian untuk membisu, berbanding menyuarakan pendirian mereka berhubung krisis Palestin.

Katanya, resolusi demi resolusi yang dimeterai di pentas antarabangsa seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kini sekadar menjadi tinggalan sejarah serta tidak dihiraukan.